

Sispa UTHM pertahan gelaran

BATU PAHAT – Pengorbanan anggota Kor Siswa Siswi Pertahanan Awam (Sispa) Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) selama sebulan berbaloi apabila pasukan berkenaan dinobat pasukan terbaik tahun ini.

Lebih menggembirakan, Kor Sispa UTHM yang melakukan latihan sepanjang Ramadan lalu menjadi Johan Keseluruhan Perhimpunan Kebangsaan Kor Sispa untuk kali kedua berturut-turut.

Pegawainya, Kapten Bersekutu (PA) Ahmad Khirul Nizam Ali tidak menyangka pasukannya mampu mempertahankan gelaran johan setelah memenanginya tahun lalu.

“Saya kagum dengan semangat 54 anggota Kor Sispa UTHM ini, mereka yakin mampu mempertahankan gelaran juara berkenaan.

“Pada bulan puasa, mereka sanggup berlatih hampir setiap hari hingga impian terlaksana,” katanya.